

Najib Ucap Tahniah Kepada Menteri Sarawak Atas Anugearh HRD

Bernama

Jun 12, 2014

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini merakamkan ucapan tahniah kepada Ketua Menteri Sarawak Tan Seri Adenan Satem yang dipilih untuk menerima Anugerah Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Asia 2014.

"Sekalung tahniah kepada Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem di atas Anugerah HRD Asia 2014," kata Perdana Menteri dalam akaun Twitter beliau.

Adenan menerima anugerah itu sebagai menghargai sumbangan cemerlang beliau kepada pembangunan rakyat.

Anugerah disampaikan oleh bekas Menteri Kerja Raya Bahrain, Fahmi Ali Al Jowder, yang juga anggota Jawatankuasa Asia HRD Award 2014, dalam satu upacara di pejabat Adenan di Wisma Bapa Malaysia, di Petra Jaya, Kuching, semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045851>